

KELUARAN KHAS SEMPENA

# Majlis KONVOKESYEN KE-6



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

*Setinggi-tinggi*

# Tahniah

*kepada*

Y.BHG. TAN SRI DATO' SERI  
MUSA BIN MOHAMAD

*di atas penganugerahan*

IJAZAH KEHORMAT DOKTOR PENGURUSAN SAINS

&

Y.BHG. TAN SRI DATO' SERI (DR.)  
MOHD. SALEH BIN SULONG

*di atas penganugerahan*

IJAZAH KEHORMAT DOKTOR PENGURUSAN TEKNOLOGI

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



## TAHNIAH KEPADA PARA GRADUAN SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN KE-6 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

*Daripada :*

Canselor, Pro Canselor, Pengerusi & Ahli Lembaga Pengarah,  
Naib Canselor & Warga UTeM



Sedekad Kegemilangan

LG  
173  
.M44  
.B47  
2010  
a  
June

# MENJANA MODAL INSAN UNTUK INDUSTRI BERTEKNOLOGI TINGGI

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah ditubuhkan pada 1 Disember 2000 dengan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM). Ia telah mengalami proses penjenamaan semula pada 1 Februari 2007 dan ditukarkan kepada UTeM. UTeM adalah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke 14 di Malaysia yang menawarkan kursus-kursus dalam bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan pengurusan teknologi.

Tahun 2010 amat bermakna kepada UTeM kerana pada tahun ini UTeM meraikan ulang tahun penubuhannya yang ke 10. Walaupun baru mencecah usia sedekad, sumbangan UTeM terhadap masyarakat dan negara amat besar sama ada dalam bidang pendidikan dan juga bidang penyelidikan dan inovasi. Sehingga kini UTeM telah melahirkan hampir 6000 orang graduan dalam bidang-bidang yang amat relevan kepada pembangunan industri negara terutamanya dalam industri berteknologi tinggi.

Sempena Majlis Konvokesyen Ke-6 yang berlangsung pada 7 dan 8 Ogos 2010 di Dewan Besar Kampus Induk UTeM, UTeM akan meraikan seramai 1408 orang lagi bakal ahli profesional yang akan bergraduasi dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian.

## SEDEKAD KECEMERLANGAN

"Dilihat dari usia penubuhan UTeM, banyak perkembangan yang dialami terutamanya dari segi pembangunan prasarana fizikal. Daripada frasa sebuah kampus kecil yang dihuni di rumah kedai kini UTeM boleh berbangga dengan pencapaian pembangunan kampus sebenar, yang dilengkapi pelbagai kemudahan sejajar dengan hasrat menyediakan kampus kondusif untuk para pelajarannya." Menurut Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan.

Pengambilan pelajar bermula pada Jun 2001 iaitu ambilan kumpulan pertama seramai 348 dan sehingga kini jumlah pelajar telah meningkat kepada 7599 orang pelajar. Terkini UTeM menawarkan lima program Diploma, 25 program Sarjana Muda, 27 Sarjana dan 10 Program Doktor Falsafah.

Dalam aspek lain, UTeM tidak kurang hebatnya tandingan dengan Universiti-universiti 'senior' dan ternama. Banyak yang telah dikecapi terutamanya dalam bidang penyelidikan yang menyaksikan UTeM memenangi banyak pingat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pemertabatan inovasi menjadi agenda penting Universiti dalam memenuhi tuntutan aspek pengajian tinggi.

UTeM telah melahirkan graduan yang kini menjadi ahli profesional yang kompeten dalam bidang kejuruteraan, ICT dan pengurusan teknologi. Mengikut kajian yang dijalankan, kebolehpasaran graduan UTeM berada pada tahap yang membanggakan, jika dibandingkan dengan persaingan graduan daripada IPTA yang telah lama bertapak dan IPTS. Graduan pasca siswazah sama ada peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah juga menunjukkan peningkatan yang ketara. Pembinaan generasi terpelajar ini menerusi penawaran program akademik bermutu menjadi teras peranan bagi Institusi Pengajian Tinggi dalam Model Baru Ekonomi.

Pencapaian UTeM menerusi penganugerahan status MSC oleh MDEC turut memberikan UTeM impak serta suatu keistimewaan, yang membawa kepada pengiktirafan program-program dalam mencapai kecemerlangan akademik di Universiti.

## UNIVERSITI TEKNIKAL KOMPETITIF

Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff berkata, kelainan UTeM menjadikannya kompetitif kerana menawarkan program akademik yang berfokus serta mengambil kira keperluan industri. Penekanan terhadap pengalaman praktikal bertujuan memberi kedalaman pengetahuan kejuruteraan dengan berada pada tempoh praktikal yang lama di industri. Lanya berkait rapat dengan keperluan akreditasi yang ditetapkan oleh EAC bagi tujuan pengiktirafan Lembaga Jurutera Malaysia. Namun begitu aspek teori tidak sekali-kali diabaikan.

UTeM telah menetapkan hala tuju yang jelas dalam bidang penyelidikan dan inovasi dengan menetapkan bidang tujahan (Niche Area) dalam Teknologi Pembuatan Termaju yang menekankan pelbagai aspek agar aktiviti penyelidikan dan inovasi yang dijalankan mampu memberi sumbangan besar kepada negara. Empat kluster yang dirancang untuk ditonjolkan termasuklah Teknologi Hijau, Interaksi Manusia-Teknologi, Sistem Kejuruteraan dan Teknologi Mendatang.

Program akademik yang ditawarkan sentiasa relevan dan menepati kehendak industri selari dengan konsep perkongsian pintar Universiti-Industri. Hasrat kolaborasi dan jalinan strategik ini direalisasikan menerusi penubuhan Panel Penasihat Industri (IAP) yang ahlinya terdiri daripada pemimpin industri yang berpengalaman luas dan terlibat dalam perancangan teknologi di bidang masing-masing. Input-input dari industri ini serta aktiviti seperti Lawatan Industri serta Executive Talk yang disampaikan oleh pihak industri dapat digunakan untuk menambah baik



**UTeM akan terus melahirkan modal insan untuk negara dalam memenuhi aspirasi dan halatuju Kementerian Pengajian Tinggi, terutama dalam bidang Kejuruteraan, ICT dan Pengurusan Teknologi bagi merealisasikan aspirasi negara untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.**

*Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan  
Naib Canselor  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka*

konsep Pengajaran & Pembelajaran (P&P), penyelidikan & inovasi termasuklah aspek pembangunan staf Universiti. Pelantikan Jurutera-jurutera yang berpengalaman di industri sebagai Jurutera Pengajar juga menyokong kepada perkongsian ilmu di bidang-bidang berkaitan secara terus kepada pelajar menerusi aktiviti P&P.

Kemudahan prasarana P&P serta penyelidikan & inovasi yang lengkap serta peralatan yang disediakan di Universiti terutamanya di makmal-makmal adalah dengan menggunakan teknologi yang hampir sama atau melebihi keperluan industri.

Teaching factory atau 'Kilang Pembelajaran' yang dibangunkan boleh dimanfaatkan bagi tujuan penghasilan produk, dan dalam masa yang sama dapat melatih pelajar dalam suasana pekerjaan sebenar, tambah Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff lagi.

## HARAPAN NAIB CANSELOR UTeM

Sempena sambutan 10 tahun UTeM dan juga Majlis Konvokesyen yang Ke-6, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff berharap agar para graduan akan meneruskan perjuangan untuk mengukir kejayaan dalam kehidupan masing-masing. Berbaktilah kepada kedua ibubapa, bangsa dan negara. UTeM akan terus melahirkan modal insan untuk negara dalam memenuhi aspirasi dan halatuju Kementerian Pengajian Tinggi, terutama dalam bidang Kejuruteraan, ICT dan Pengurusan Teknologi. Semoga UTeM akan terus cemerlang dalam melahirkan ahli profesional berkemampuan bagi keperluan industri berteknologi tinggi negara.

## Penerima Anugerah Akademik

### Anugerah Pelajaran Diraja

**MOHD NOR IRMAN BIN SULAIMAN**-Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi  
**KWAN WAI LOON**-Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

### Anugerah Canselor

**SHAFIZAL BIN HASSAN**-Fakulti Kejuruteraan Elektrik  
**TAN CHEE SEONG**-Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer

### Anugerah Hadiah Naib Canselor

Fakulti Kejuruteraan Elektrik <b>YAO TEE SENG</b> <b>CHONG YONG PING</b> <b>AIMI FARIDAH BINTI TAJUDDIN</b> <b>THAM KOK HONG</b> <b>NOOR ATHIRA BINTI ABIDULLAH</b>	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan <b>CHAN HORNG TAT</b> <b>LIM KOK CHIN</b> <b>SARAH NADIAH BINTI MOHD GHAZALI</b> <b>MUHAMMAD IDZHAR BIN ISHAK</b> <b>MOHD AMINUDIN BIN ABDULLAH</b> <b>ALAGENDRAN A/L ANDIAPPAN</b>
Fakulti Kejuruteraan Elektronik Dan Kejuruteraan Komputer <b>TAY BING LIN</b> <b>TEH TZE CHEE</b> <b>VICKNES A/L RATHA KRISHNAN</b> <b>MOHD RAZALI BIN BAHARON</b>	Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi <b>TAN CHEE KONG</b> <b>CHEN PEI LING</b> <b>LAU KUM HOE</b> <b>SATRYA FAJRI PRATAMA</b> <b>LIM SOK MING</b>

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal  
**MOHD MUHYIDDIN BIN MUSTAFA**  
**YEW WAI KEAI**  
**SYED EDDY 'AFIFI BIN SYED ABDULLAH**  
**YONG POH YEE**  
**MUHAMAD HAZIQ BIN ABD MANAP**

## Anugerah Hadiah Industri

**NUR AMANI BINTI NOR IDI**-Fakulti Kejuruteraan Elektrik  
**FEBRIAN BIN IDRAL**-Fakulti Kejuruteraan Mekanikal  
**LAU SIEW JOO**-Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer  
**MOHD SEIFUL EZUAN BIN SAYUTI**-Fakulti Kejuruteraan Pembuatan  
**LOGARAJ A/L CHAMUHENADEN**-Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi


## Jumlah Graduan

Fakulti	Program				Jumlah
	Diploma	Sarjana Muda	Sarjana	Doktor Falsafah	
Fakulti Kejuruteraan Elektrik	61	241	2	-	304
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	57	213	2	-	272
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	54	206	5	-	265
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	41	236	5	1	283
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	58	187	18	1	264
Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan	-	-	19	1	20
<b>Jumlah</b>	<b>271</b>	<b>1083</b>	<b>51</b>	<b>3</b>	<b>1408</b>

\*Tertakluk kepada perubahan.



**BERTAMBAH**  
 MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI  
 JUN 2010



# EMPAT UNIVERSITI TEKNIKAL BERSIDANG DI UTeM

**28 Jun 2010** - Empat buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) berasaskan Teknikal dari seluruh Malaysia berkumpul di Melaka sempena penganjuran *Malaysian Technical Universities Conference on Engineering and Technology 2010 (MUCET 2010)* yang berlangsung pada hari ini dan esok.

Persidangan yang bertemakan *'Innovation in Engineering and Technology Towards Sustainability'* ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, Datuk Nur Haizi Abdul Hai yang mewakili Menteri Kerja Raya, Dato' Shaziman Abu Mansor yang juga merupakan Menteri Mentor kepada IPTA-IPTA teknikal di Malaysia.

Turut hadir pada majlis perasmian ialah Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff b. Hassan, dan Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim b. Suaidi, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Datuk Prof. Ir. Dr Hj Ahmad Zaidee Laidin telah diberikan penghormatan untuk menyampaikan ucapan yang bertajuk *'Innovation in Engineering'* dalam persidangan ini.

Menurut Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UTeM, Dr Azizah Saban, UTeM buat pertama kalinya menganjurkan MUCET 2010 ini yang diadakan pada setiap tahun. Ia menentang kertas-kertas kerja daripada empat buah IPTA Teknikal di Malaysia iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang bergabung di bawah satu jaringan dipanggil Jaringan Universiti Teknikal Malaysia atau *Malaysian Technical University Network (MTUN)*.

Pada persidangan ini, sebanyak 122 bilangan kertas kerja telah diterima yang melibatkan 40 pembentangan secara oral dan 82 pembentangan secara poster. Bidang pengkhususan persidangan adalah Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Elektrik dan Elektronik, Sains, Kimia dan Sivil, ICT dan Sains Sosial. Peserta persidangan turut di bawa melawat ke makmal-makmal UTeM. MUCET 2010 turut menawarkan satu hadiah pemenang bagi peserta keseluruhan terbaik, lima pembentang oral terbaik dan 10 pembentang poster terbaik.

Warga UTeM sememangnya amat berbangga dengan kepercayaan yang diberikan untuk menganjurkan MUCET 2010 yang menghangatkan lagi sambutan 10 tahun penubuhan UTeM yang disambut pada tahun ini. Pelbagai acara telah dirancang dan MUCET 2010 merupakan salah satu program yang dianjurkan sempena sambutan penubuhan UTeM yang menghampiri sedekad ini. Harapan UTeM agar lebih banyak program ilmu yang boleh dianjurkan sesuai dengan peranan dan usia UTeM yang semakin menuju kematangan ini.



SEDEKAD KEGEMILANGAN



KANDUNGAN

Empat Universiti Teknikal Bersidang Di UTeM | UTeM Perkuh Hubungan Dengan Mühlbauer Technologies | UTeM dan Infineon Technology Merencanakan Perkembangan dan Penambahbaikan Dalam Industri Semikonduktor | University of Applied Sciences and Arts (UASA) Germany Mengadakan Kunjungan Hormat ke UTeM | Datuk Prof Ir. Dr. Hj. Ahmad Zaidee Dilantik Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM | Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan KPT Bil 6/2010 | Pengurniaan Darjah Kebesaran Oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Kepada TNC (PI) UTeM | Kunjungi Hormat Pengerusi LPU UTeM Ke Pejabat Tun Canselor | Naib Canselor UTeM Lawat Ketua Polis Melaka | Mesyuarat Agung UTeMASA Kali Ke-3 | Klinik Pelajar UTeM Anjur Minggu Pemeriksaan Kesihatan | Program Skor A Upsr Berita Harian – UTeM Capai Matlamat | Pusat Islam Bentuk Generasi Huffaz | Staf UTeM Sertai Rancangan Apa Kata Wanita | UTeM Terima Lawatan Dari Universiti Sultan Zainal Abidin Terengganu | YDP MPP UTeM Di Rancangan Suara Siswa RTM | UTeM Terima 30 Pelajar Antarabangsa | Training Of Trainers Bentuk Pemimpin Mahasiswa Cemerlang | Program Motivasi dan Campus Tour Fakulti Kejuruteraan Pembuatan UTeM Meriah dan Berkesan | Kursus Induksi Umum Gred 27, 29 Dan Pengurusan & Profesional Bil 1 2010 | Program Pintar Siri III/2010 Giliran Warga FKP Tunjuk Semangat Berpasukan | Tahniah | UTeM Beri Saingan Sengit Di Sukan Staf Universiti Malaysia (Sukum) Ke-35 | Personaliti Pilihan





**Editor BERITA@UTeM**

**KETUA EDITOR :**

Prof. Madya Mohd Rahimi Bin Yusoff

**PENOLONG KETUA EDITOR :**

Faradila Binti Md. Yusof

**WARTAWAN :**

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad  
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

**REKA BENTUK GRAFIK :**

Aziza Binti Md Buang  
Suria Binti Abdul Rahman

**JURUFOTO :**

Md. Nor Bin Mohamad Saleh  
Nurulidayu Binti Talib  
Mohd Farid Bin Supangi  
Asri Bin Abu

**PENGEDARAN :**

Bob Faizeli Bin Mohamed Din  
Al Rohaiya Binti Adanan

**URUS SETIA :**

Azlinah Binti Ajis  
Nor'Emylia Binti Mohamed

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM? Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke [berita@utem.edu.my](mailto:berita@utem.edu.my)

Hak Cipta Terpelihara  
Pejabat Perancangan Dan Komunikasi Korporat, Canselor  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Hang Tuah Jaya  
76100 Durian Tunggal, Melaka  
Tel : +606 331 6248 / 6249  
Faks : +606 331 6247

# UTeM PERKUKUH HUBUNGAN DENGAN Muehlbauer Technologies

Oleh: Ahmad Hafiz bin Mohd Puad

15 Jun 2010 - Satu lawatan oleh delegasi UTeM ke Syarikat Muehlbauer Technologies Sdn. Bhd yang terletak di Ayer Keroh, Melaka telah berlangsung hari ini. Delegasi UTeM diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi, yang diiringi oleh pegawai-pegawai kanan UTeM.

Perbincangan antara UTeM dan Muehlbauer lebih menjurus kepada bentuk kerjasama yang boleh dibentuk bagi meningkat perkongsian kepakaran teknikal melalui skim sangkut industri serta latihan berterusan terutama sekali dalam bidang teknologi pembuatan termaju.

Delegasi UTeM kemudiannya dibawa melawat ke sekitar kilang syarikat tersebut serta diperlihatkan demo cara membuat kad keselamatan peribadi. Lawatan kemudiannya selesai pada pukul 5.30 petang.



## UTeM dan Infineon Technology Merencanakan Perkembangan dan Penambahbaikan Dalam Industri Semikonduktor

2 Jun 2010 - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menerima kunjungan daripada pihak pengurusan atasan Infineon Technology Sdn Bhd di Kampus Induk UTeM baru-baru ini.

Rombongan pihak Infineon Technology telah diketuai oleh Pengarah Urusannya merangkap Timbalan Presiden Mr. Peter Bailey. Lawatan ini merupakan lawatan balas pihak Infineon kepada delegasi UTeM yang telah membuat kunjungan hormat melawat Ibu pejabat Infineon Technology di Jerman beberapa bulan yang lalu.

Antara perkara yang dibincangkan ialah perangkaan kerjasama dua hala dalam bidang penyelidikan, latihan industri, perundingan dan perkongsian kepakaran dan pengalaman dalam bidang industri serta perkongsian penggunaan fasiliti bersama antara UTeM dan Infineon.

## University of Applied Sciences and Arts (UASA) Germany

### Membuat Kunjungan Hormat ke UTeM

8 Jun 2010 - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menerima kunjungan delegasi dari University of Applied Sciences and Arts (UASA) Hannover Jerman bertempat di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

Rombongan delegasi tersebut diketuai oleh Prof. Dr. Engr. Reimar Schuman dan para pegawai dari universiti tersebut.

Menurut Dekan FKP Dr Rizal bin Salleh, tujuan lawatan UASA ke UTeM ini lebih berfokus kepada mewujudkan jalinan hubungan kerjasama dua hala melibatkan pensyarah dan pelajar ke arah perkembangan dan kemajuan dalam percambahan ilmu pengetahuan.

Turut dibincangkan beberapa aspek lain dari segi pertukaran pelajar antarabangsa yang melibatkan kedua-dua universiti tersebut dan juga sistem sangkut industri yang akan memberi dapatan kepada perkembangan kedua belah pihak.



# DATUK PROF. IR. DR. HJ. AHMAD ZAIDEE DILANTIK Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM

**1 Jun 2010** - Datuk Prof. Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Laidin kini telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bermula hari ini bagi menggantikan Datuk Dr. Mohd Taib bin Hashim.

Datuk Prof. Ir. Dr. Ahmad Zaidee merupakan seorang ahli korporat yang berpengalaman luas dalam bidang kejuruteraan dan pendidikan. Beliau telah berkhidmat selama 27 tahun di Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebelum dilantik sebagai Pengarah Institut Teknologi MARA (ITM) yang kini dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA.

Susulan daripada pelantikan tersebut, satu kunjungan hormat oleh pihak pengurusan UTeM telah dilakukan pada 7 Jun 2010. Kunjungan hormat yang diketuai oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan ini telah berlangsung di pejabat beliau di Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong Sdn. Bhd. (SMART) Kuala Lumpur.

Tujuan lawatan ini adalah untuk memberikan pengenalan serba ringkas mengenai perjalanan dan pencapaian UTeM sehingga kini selain mengucapkan terima kasih kepada Datuk Prof. Ir. Dr. Ahmad Zaidee yang telah bersetuju dan sudi menerima pelantikan sebagai Pengerusi LPU UTeM yang ketiga ini.

Pertemuan penuh bermakna ini juga turut diisi dengan perbincangan mengenai hala tuju UTeM dan sesi fotografi dan penyampaian cenderamata kepada Datuk Prof. Ir. Dr. Ahmad Zaidee.



## MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN PEMBANGUNAN KPT BIL 6/2010

**16 Jun 2010** - Bertempat di Bilik Mesyuarat Senat, Canselori telah berlangsungnya Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang membincangkan perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan di kalangan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Mesyuarat itu telah dipengerusikan oleh Y. Bhg. Dato' Dr. Ramli Bin Hasan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPT serta dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan daripada pelbagai agensi kerajaan. Pengarah Pejabat Pembangunan UTeM, Hajah Noraida binti Attan juga turut hadir bersama pengarah-pengarah IPTA lain.

Delegasi mesyuarat kemudiannya dibawa melawat ke Masjid UTeM, Dewan Besar dan seterusnya ke dusun durian. Bertepatan dengan musim durian yang sedang berlangsung, delegasi sempat merasa keenakan buah durian yang boleh didapati di dusun tersebut.



### PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN OLEH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN PAHANG KEPADA TNC (PI) UTeM

Seluruh warga UTeM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada **Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi** Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang telah dikurniakan Yang Amat Mulia – Peringkat Kedua, Darjah Kebesaran Mahkota Pahang, Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran Dato' bersempena ulang tahun Hari Keputeraan yang ke-79 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.



## KUNJUNG HORMAT PENGERUSI LPU UTeM KE PEJABAT TUN CANCELOR

21 Jun 2010 – Datuk Prof. Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Laidin yang baru dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah (LPU) UTeM bermula pada 1 Jun 2010 yang lalu telah mengadakan kunjungan hormat kepada Tun Canselor UTeM, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob di pejabat beliau hari ini.

Kunjungan buat julung-julung kalinya itu diiringi oleh ahli LPU iaitu Datuk Ir. Hj. Idris bin Haron, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dan pihak pengurusan tertinggi UTeM. Antara tujuan kunjungan hormat tersebut adalah untuk memperkenalkan Datuk Prof. Ir. Dr. Ahmad Zaidee sebagai Pengerusi LPU UTeM yang baru dilantik serta perbincangan mengenai hala tuju UTeM ke arah mencapai misi dan visinya. Tun Canselor turut diberikan taklimat oleh Prof Datuk Dr. Ahmad Yusoff mengenai perkembangan semasa universiti dan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku sepanjang tahun ini.



## NAIB CANCELOR UTeM LAWAT KETUA POLIS MELAKA

10 Jun 2010 - Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan yang juga Komandan Kor SUKSIS UTeM telah mengadakan kunjung hormat kepada Ketua Polis Melaka, SAC I Datuk Mohd Rodwan bin Hj. Mohd Yusof di bangunan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri Melaka baru-baru ini. Beliau diiringi bersama oleh pegawai kehormat dan pegawai penyelaras Kor SUKSIS UTeM.

Menurut Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff bin Hassan objektif lawatan ini lebih menjurus kepada memperkukuhkan jalinan hubungan erat antara UTeM melalui Kor SUKSIS dan pihak Polis DiRaja Malaysia secara amnya dan pertemuan dengan Ketua Polis Melaka secara khususnya.

Pertemuan penuh bermakna selama hampir satu jam itu telah dimulakan dengan sesi ramah mesra bersama Ketua Polis Melaka di pejabat beliau sebelum delegasi dijamu dengan hidangan minum petang bersama pegawai-pegawai kanan polis yang hadir.

Antara topik perbincangan sepanjang pertemuan tersebut adalah berkisar mengenai latar belakang penubuhan, keanggotaan dan operasi terkini Kor SUKSIS UTeM yang boleh dianggap berjaya bagi setiap aktiviti dan pelaksanaan program yang berkaitan sejak penubuhannya dari awal lagi.

## MESYUARAT AGUNG UTeMASA KALI KE-3

23 Jun 2010 - Mesyuarat Agung Persatuan Pegawai Akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeMASA) kali ke-3 telah berlangsung di Auditorium Bangunan Canselori, Kampus Induk pagi ini.

Perasmian mesyuarat telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Naib Canselor serta turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

Dalam pemilihan kepimpinan baru, Y.M Prof. Madya Dr. Raja Roslan bin Raja Abdul Rahman sekali lagi mengekalkan kedudukan sebagai Presiden UTeMASA.

Selain daripada mesyuarat agung, diadakan juga forum bertajuk 'Peranan Persatuan Akademik dan Tanggungjawab Ahli Dalam Membantu Universiti Mencapai Visi dan Misi PSTPN' dan 'Isu-isu Terkini Berkaitan Skim Perkhidmatan, Autonomi, dan Kebajikan dalam Sektor Awam'. Panel bagi forum-forum tersebut ialah Prof. Dr. Raduan Che Rose, Penasihat Khas kepada Menteri Pengajian Tinggi Malaysia merangkap Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan Haji Omar Haji Osman, Presiden CUEPACS.





## KLINIK PELAJAR UTeM ANJUR MINGGU PEMERIKSAAN KESIHATAN

**14 Jun 2010** - Klinik Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menganjurkan Minggu Pemeriksaan Kesihatan di Lobi Bangunan Canselori, Kampus Induk UTeM bermula hari ini hingga 18 Jun. Pemeriksaan kesihatan ini terbuka kepada semua warga UTeM.

Menurut Pegawai Perubatan UTeM, Dr. Muhammad Takrimi Shahabudin, program ini merupakan inisiatif klinik pelajar UTeM kepada semua warga UTeM dalam menjalankan pemeriksaan kesihatan dan dijalankan secara percuma. Ia juga bagi menggalakkan semua warga UTeM agar sentiasa berada dalam keadaan sihat dan cergas sentiasa supaya dapat menjalankan tugas-tugas harian dengan baik.

Turut diadakan ialah pameran dan ceramah kesihatan. Minggu kesihatan ini adalah salah satu program dalam Kempen Amalan Gaya Hidup Cergas yang telah dilancarkan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan pada 8 Mei lalu.

## PUSAT ISLAM BENTUK GENERASI HUFFAZ

**7 - 9 Jun 2010** : Bersesuaian dengan fungsi Pusat Islam sebagai pusat pengembangan ajaran Islam di universiti, baru-baru ini telah dianjurkan Kursus Tahfiz dan Penghayatan Solat bertempat di Masjid UTeM. Program yang disasarkan kepada anak-anak staf berusia 12 tahun ke bawah itu berjaya mengumpulkan penyertaan 55 orang kanak-kanak.

Menurut Pegawai Hal Ehwal Islam, Ustaz Abdul Halid Hj. Ramli berkata, program seumpama ini menunjukkan bahawa universiti turut mengambil berat terhadap kebajikan anak-anak staf terutama sekali dalam pembangunan kerohanian. Kata beliau lagi, kursus ini meliputi hafazan surah-surah lazim, pengukuhan cara solat, pembentukan adab serta galakan untuk menunaikan solat secara berjemaah di kalangan kanak-kanak.

Kursus singkat tersebut turut dijayakan oleh tenaga pengajar yang didatangkan khas daripada Sekolah Menengah Tahfiz Chenderah Jasin.



## PROGRAM SKOR A UPSR BERITA HARIAN - UTeM CAPAI MATLAMAT

Susulan daripada Program Skor A Berita Harian yang dianjurkan pada bulan Mei yang lalu, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah terpilih untuk sama-sama menjayakan Program Skor A bagi pelajar - pelajar Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada 5 hingga 6 Jun 2010 dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada 12 hingga 13 Jun 2010 di Kampus Induk UTeM.

Seperti biasa program yang amat bermanfaat ini mendapat sambutan hangat daripada para pelajar yang akan menduduki peperiksaan UPSR dan PMR. Hebahan yang dibuat oleh akhbar Berita Harian telah berjaya menarik penyertaan yang begitu menggalakkan.

Ini adalah sebahagian sumbangan UTeM kepada masyarakat bagi berkongsi kemudahan untuk penyebaran ilmu kepada masyarakat sekitar. Ia juga dilihat amat signifikan dengan sambutan sedekad penubuhan UTeM yang disambut pada tahun ini dan boleh diraikan bersama masyarakat sekitar.



## STAF UTeM SERTAI RANCANGAN APA KATA WANITA

**19 Jun 2010** - Seramai 35 staf UTeM telah dijemput untuk menjayakan siaran langsung rancangan Apa Kata Wanita yang disiarkan secara langsung di TV1. Rancangan itu dihoskan oleh personaliti TV RTM, Zamzarina dengan topik 'Mengenali Aishah', seniwati tersohor tanahair.

Di samping berpeluang muncul secara 'live' di kaca televisyen, staf UTeM yang terlibat turut dibawa melawat ke Kompleks Penyiaran Angkasapuri yang menempatkan studio-studio rakaman rancangan TV, bilik berita serta konti rangkaian radio RTM.

Sesungguhnya lawatan tersebut telah memberikan pengalaman baru kepada staf-staf terlibat di samping memperkukuhkan ikatan antara UTeM dan RTM.

## UTeM JAYAKAN RANCANGAN SUARA SISWA RTM

8 Jun 2010 – Seramai 30 orang pelajar UTeM yang terdiri daripada Exco Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah dijemput untuk memeriahkan Rancangan Suara Siswa yang disiarkan secara langsung di TV1.

Rancangan berbentuk diskusi itu telah dihoskan oleh Dr. Fazley Yaakup, personaliti tv yang juga pakar motivasi manakala Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) Prof. Dr. Mohd. Shahrin bin Shahib dan Yang Dipertua MPP Saudara Ahmad Ibrahim Yazirruddin telah dijemput sebagai ahli panel. Topik yang dibincangkan pada malam tersebut ialah "Peranan Siswa dalam Mengurangkan Indeks Jenayah".



## TRAINING OF TRAINERS BENTUK PEMIMPIN MAHASISWA CEMERLANG

30 Jun 2010 – Sebagai persediaan bagi menghadapi Minggu Haluan Siswa (MHS), Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) mengambil inisiatif menganjurkan kursus 'Training of Trainers' bertempat di Kompleks Falak Al-Khwarizmi, Tanjung Bidara.

Kursus tersebut melibatkan penyertaan 140 pelajar tahun dua dan tiga yang terpilih sebagai fasilitator MHS. Antara objektif penganjuran kursus ini ialah untuk melahirkan pemimpin mahasiswa yang cemerlang dalam semua aspek serta mampu menjadi sumber rujukan kepada pelajar-pelajar yang akan melapor diri kelak.

'Training of Trainers' turut dijayakan oleh personaliti TV yang tidak asing lagi, Ras Adiba Radzi yang memberi panduan berguna kepada peserta kursus berkaitan komunikasi berkesan.



## UTeM TERIMA LAWATAN DARI UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN TERENGGANU

22 Jun 2010 - Seramai 20 orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dari Universiti Sultan Zainal Abidin Kuala Terengganu (UniSZA) yang diketuai oleh Yang DiPertua (YDP) MPP Abdul Rashid Abdul Manaf telah melawat Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) di Kampus Induk UTeM hari ini. Rombongan telah disambut oleh YDP MPP UTeM Ahmad Ibrahim b. Yazirruddin dan wakil Pejabat HEPA serta para MPP UTeM.


Menurut Abdul Rashid, tujuan lawatan ini adalah salah satu aktiviti MPP UniSZA dalam mengutip pengalaman dan pengetahuan dari universiti-universiti yang terpilih bagi merangka strategi bagi menguruskan kebajikan di universiti berkenaan. Sebelum ini UniSZA dikenali sebagai Universiti Darul Iman (UDM). Selain sesi taklimat, sesi dialog di antara kedua-dua MPP universiti turut diadakan.

## UTeM TERIMA 30 PELAJAR ANTARABANGSA

28 Jun 2010 - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) baru-baru ini telah menerima kemasukan seramai 30 orang pelajar antarabangsa bagi mengikuti program yang ditawarkan di universiti ini. Daripada jumlah tersebut, seramai sembilan orang akan mengikuti Intensive English Language Program (IELP) yang dikelola oleh Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBPI) manakala selebihnya akan mengikuti program Ijazah Sarjana Muda di fakulti-fakulti.

Pada sesi pendaftaran yang diadakan, UTeM menerima pelajar-pelajar dari Somalia, Yemen, Palestin dan Indonesia. Pejabat Antarabangsa UTeM turut mengendalikan program orientasi untuk pelajar-pelajar tersebut bagi memperkenalkan kemudahan-kemudahan yang terdapat di Kampus Induk bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran untuk para pelajar ini kelak. Mereka juga turut dibawa melawat ke sekitar Bandaraya Melaka pada akhir sesi tersebut.

Menjelang sedekad penubuhan UTeM ini, pelbagai usaha dilakukan untuk memantapkan kedudukan UTeM di arena pendidikan negara. Salah satu antaranya dengan mempergiatkan aktiviti pengantarabangsaan dan dengan kemasukan para pelajar antarabangsa ini UTeM akan melebarkan sayapnya di peringkat lebih global sesuai dengan usia ia ditubuhkan.







## PROGRAM MOTIVASI DAN CAMPUS TOUR FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN UTeM MERIAH DAN BERKESAN

22 Jun 2010 - Jabatan Pengurusan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengambil inisiatif mengadakan seminar kerjaya dan program motivasi kepada pelajar-pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Keroh, Melaka.

Program sehari ini telah dijayakan dengan kehadiran hampir 100 orang pelajar yang mana program dijalankan sepenuhnya di Sekitar Kampus Induk UTeM, 'Teaching Factory' FKP dan Makmal FKP.

Pengarah Projek Al Amin bin Mohamed Sultan berkata program seumpama ini telah dijalankan sejak empat tahun berturut-turut dan pada kali ini mereka dibawa ke kampus bagi memberikan gambaran sebenar kehidupan kampus disamping melihat persekitaran makmal dan 'teaching factory' yang dilengkapi dengan peralatan dan mesin-mesin yang berteknologi tinggi.



## KURSUS INDUKSI UMUM GRED 27, 29 DAN PENGURUSAN & PROFESIONAL BIL 1/2010

7 - 18 Jun 2010 : Unit Pengesahan Perkhidmatan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) telah menganjurkan Kursus Induksi Umum Gred 27, 29 dan Pengurusan & Profesional bertempat di Port Dickson, Negeri Sembilan. Seramai 45 orang peserta yang terdiri daripada staf pelbagai jabatan telah menghadiri kursus ini.

Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan, Naib Canselor UTeM telah merasmikan kursus tersebut.

Sepanjang tempoh kursus selama 10 hari dijalankan, peserta telah didedahkan dengan pelbagai aspek seperti dasar-dasar kerajaan, Pekeliling-pekeliing Perkhidmatan Awam, pembentukan keyakinan diri dan semangat berpasukan.

Selain sesi ceramah, penganjur turut menyediakan aktiviti luar secara berkumpulan yang nyata menguji ketahanan fizikal dan mental peserta.

## PROGRAM PINTAR SIRI III/2010 GILIRAN WARGA FKP TUNJUK SEMANGAT BERPASUKAN



25 - 27 Jun 2010 : Kali ini giliran staf warga Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) terlibat dalam Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) Siri III yang diadakan di Port Dickson baru-baru ini.

Naib Canselor, Prof Datuk. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan hadir merasmikan program tersebut manakala Dekan FKP, Dr. Rizal bin Salleh mengetuai warga FKP yang terdiri daripada semua peringkat organisasi fakulti itu.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tiga hari program itu berlangsung. Aktiviti wajib PINTAR iaitu berakit memberi cabaran getir pada kali ini apabila peserta terpaksa menempuh ombak laut Selat Melaka untuk menamatkan perlumbaan.

Turut dimuatkan semasa program berlangsung ialah kemahiran berkomunikasi dan kepimpinan, teknik berfikir secara kreatif serta pemupukan nilai-nilai kerohanian.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada warga UTeM berikut yang telah menerima kehadiran cahaya mata baru-baru ini.

Nama Staf : Zaini binti Fadzullah  
PTJ : Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi  
Nama anak : Puteri Nur Ainsyirah bt Azuwan Shah  
Tarikh Lahir : 05 April 2010

Nama Staf : Azura Binti Abidin  
PTJ : Pej. Hal Ehwal Perundangan, Canselori  
Nama Anak : Feyna Ezzara Binti Nurul Affendi  
Tarikh Lahir : 06 Jun 2010

Nama Staf : Azlan bin Abdul Aziz  
PTJ : Pejabat Bendahari  
Nama anak : Arissa Damia Binti Azlan  
Tarikh Lahir : 22 Jun 2010

Nama Staf : Muhamad Hafiz Bin Mohamed Yusoff  
PTJ : Pejabat Bendahari  
Nama Anak : Nur Izzati Damia Binti Muhamad Hafiz  
Tarikh Lahir : 23 Jun 2010

Nama Staf : Nurulidayu binti Talib (PPKK) dan  
Mohd Zulkifli bin Ismail (Pendaftar)  
Nama Anak : Syakir Nuriman bin Mohd Zulkifli  
Tarikh Lahir : 25 Jun 2010

*Tahniah*



Puteri Nur Ainsyirah



Feyna Ezzara



Arissa Damia



Nur Izzati Damia



Syakir Nuriman



Berita@UTeM mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Pengantin Baru kepada staf Pejabat Bendahari iaitu **Nor Izzati Binti Roslan dan pasangannya Mohd Azlan Othman** yang telah selamat dijabkbulkan pada 12 Jun lalu.

# Personliti Pilihan



**MOHD ZIN BIN KASRI - PEMANDU**

Mohd Zin bin Kasri memulakan perkhidmatan di UTeM pada 6 November 2006. Memiliki pengalaman luas dalam mengendalikan kenderaan universiti malah pernah dilantik untuk memandu kenderaan tetamu VVIP UTeM. Tidak lokek dengan senyuman, Mohd Zin sememangnya individu yang senang diajak berbual.

Dalam sukan olahraga, nama Mohd Zin sememangnya dikenali ramai. Pada temasya Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) ke-35 yang berlangsung, beliau telah menyumbang pingat emas serta mencatat rekod baru kejohanan dalam acara 4 x 100 meter (veteran). Bukan itu sahaja, ketangkasan beliau turut menyumbang pingat perak dalam acara 4 x 400 meter (veteran).

Bagi diri beliau, tiada apa yang lebih bermakna selain daripada kepuasan pelanggan. Keselamatan penumpang sentiasa diutamakan dalam sebarang situasi. Perkara utama yang dititikberatkan oleh beliau sebelum memulakan perjalanan adalah pemeriksaan rapi terhadap kenderaan yang digunakan.

Meminati masakan lemak cili padi, Mohd Zin juga peminat setia sukan bola sepak. Beliau yang menyarung jersi pasukan bola sepak veteran UTeM sebagai pemain tengah, amat meminati corak permainan pasukan Belanda pada Piala Dunia 2010.



**ERNI SUHADAH BINTI MOD HUSIN  
PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN)**

Erni Suhadah binti Mod Husin yang kini bertugas di Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) Kampus Bandar merupakan antara individu terawal ketika UTeM ditubuhkan hampir sepuluh tahun lalu. Beliau menimba pengalaman yang cukup luas mengendalikan hal ehwal pejabat bermula di Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Pejabat Pembangunan, Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dan seterusnya PPP.

Masa lapang Erni sering diisi dengan membaca buku. Selain itu beliau turut terlibat secara aktif dalam Persatuan Setiausaha UTeM (SATU), menyumbang bakti mengendalikan Biro Ekonomi. Pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan bagi Erni adalah ketika Majlis Pecah Tanah Kampus Induk pada tahun 2002.

Sikap suka membaca menjadikan Erni seorang yang kaya dengan ilmu pengetahuan. Bagi edisi kali ini, Erni sempat mengarang pantun yang ditujukan khas kepada seluruh warga UTeM bersempena dengan sambutan ulangtahun ke-10 penubuhan universiti ini.

Gemerlapan bintang disertai bulan  
Alam semesta ciptaan Ilahi  
Mercuri kejayaan itu harapan  
Kurniaan Tuhan kekal abadi

Tangan mengengam kuat terasa  
Membulat tekad berazam di hati  
Berkhidmat, bakti, berbudi berjasa  
Aspirasi Universiti penuh bererti

# UTeM BERI SAINGAN SENGIT DI SUKAN STAF UNIVERSITI MALAYSIA (SUKUM) KE-35

**25 Jun 2010** - Kontinjen Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mempamerkan prestasi yang membanggakan apabila menduduki tangga keenam daripada 21 pasukan yang bertanding di temasya Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) ke-35 yang berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang baru-baru ini.

Pada kejohanan tersebut, UTeM telah meraih empat pingat emas, tiga pingat perak dan empat gangsa melalui olahraga, bola jaring, bowling padang, tenpin bowling dan krom berpasukan. Pingat emas UTeM dikutip melalui acara merejam lembing (veteran), 4 x 100 meter (veteran), lompat jauh (veteran) dan bola jaring.

Dua rekod baru kejohanan juga berjaya dicipta oleh atlet UTeM dalam acara merejam lembing (veteran) dan 4 x 100 meter (veteran). Kapten (B) Abdul Wahid Sulaiman telah mencipta rekod baru bagi acara merejam lembing apabila mencatatkan jarak 42.7 meter manakala gandingan emas Yahaya Mohd Amin, Shahrhan Moksen, Mohd Zin Kasri dan Shamsul Bahri Azraai mencipta rekod acara 4 x 100 meter dengan catatan 50.42 saat.

Bagi acara bola jaring pula, UTeM yang dibarisi oleh pemain-pemain berbakat besar menunjukkan semangat juang yang tinggi apabila menang semua perlawanan di peringkat kumpulan. Pada perlawanan akhir, UTeM mengenyepkan cabaran Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) dengan jaringan 20 berbalas 11 seterusnya meraih pingat emas bagi acara tersebut.

Kepada para atlet UTeM, syabas dan tahniah di atas prestasi yang ditunjukkan dan semoga ia akan meningkat pada masa depan.





**6-8 Ogos 2010**  
**8.00 pagi - 11.00 malam**  
**Kampus Induk UTeM,**  
**Durian Tunggal, Melaka**

Sedekah UTeM : Melestarikan Inovasi Teknikal

# PESTA ke KONVOO 6



KE KAMPUS INDUK UTeM, DURIAN TUNGGAL, MELAKA  
 Hanya 3 minit dari Tol Ayer Keroh



- Konsert Amal (Gema Suara)
  - \* Noraniza Idris
  - \* Hijjaz
  - \* Nash
  - \* Nazri Raihan
  - \* Hafiz Hamidun (UNIC)
- Mini Funfair
- Pidacil (Pidato Kecil)
- Cake War
- Demo Cegah Jenayah / Ragut
- Demo Polis Trafik
- Persembahan K-9
- Pertunjukan T-Baton
- Pertandingan Street Soccer / Kayak / Badminton / Paintball
- Gubahan Bunga
- RC (Remote Control)
- Pertandingan Interaktif
- Battle of The Band
- \* (Asheed DEF-GAB-C) \* Lan A to Z

KAMPUS INDUK  
 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
 (UTeM)  
**Perpustakaan**  
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka**

## Apa Kata Mereka? Personaliti Pilihan Alumni UTeM

# Tahniah KEPADA PARA GRADUAN



**S**aya berasa amat bertuah kerana terpilih untuk melanjutkan pengajian di UTeM. Meskipun UTeM masih baru, namun peralatan dan kemudahan seperti mesin-mesin berteknologi tinggi adalah setaraf dengan yang digunakan oleh industri, malah lebih baik. Di samping pembelajaran bidang teknikal, saya juga turut diterapkan dengan ilmu keusahawanan dan hasilnya kini saya mampu mengendalikan perniagaan berteraskan teknologi tinggi.

**Azrul Aziz**  
Pegarah Eksekutif  
G2Com Technologies Sdn. Bhd.



**D**i UTeM, hubungan di antara tenaga pengajar adalah sangat akrab sehingga membuatkan pelajar mudah untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan yang dihadapi dalam pelajaran. Aplikasi teknologi dalam pelajarannya juga membantu menguatkan lagi tahap kefahaman saya dalam subjek yang dipelajari. Terima kasih UTeM.

**Noor Irsalina Roslan**  
Jurutera  
Renasas Semiconductor Kl Sdn. Bhd.



**U**TeM membuka peluang yang tidak terbatas untuk memiliki masa depan yang cemerlang. Para graduan telah dilatih untuk mengimbangi keperluan akademik dan kemahiran insaniah. Terima kasih kepada UTeM yang telah membantu saya mencapai cita-cita saya.

**Risha Ramanathan**  
Managing Director  
Nobleideas Technologies Sdn Bhd.



**P**elbagai program diatur untuk para pelajar UTeM bagi melengkapkan diri sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Ternyata ia amat membantu kerana saya berjaya menempuh dugaan dan cabaran dalam pekerjaan dengan mudah hasil pengalaman yang diperoleh di UTeM.

**Mahathir Hj. Mohd Daim**  
Jurutera  
Brother Sdn. Bhd.



**U**TeM merupakan medan terbaik untuk menuntut ilmu dan mengasah kemahiran teknikal para mahasiswa. Ilmu yang disampaikan oleh pensyarah yang berdedikasi amat bersesuaian dengan perkembangan semasa. Kualiti pembelajaran dan pendedahan yang menekankan aplikasi serta soft skills dapat membentuk graduan yang serba boleh dan faktor inilah meletakkan graduan UTeM sentiasa menjadi pilihan para majikan.

**Frische Kuleh Engan**  
Pegawai Tadbir Dan Diplomatik  
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

## International Student in UTeM



**“**My experience in UTeM is one of the best examples to illustrate how nature of environment determines success. UTeM is a university that provides the entire necessary instrument for its student to succeed”

**Mustapha Tijani, Nigeria**  
MSc. Computer Science (Internetworking Technology)

**“**I am very happy to be a student of UTeM. I learnt many things in this university and I feel that the university is my second home. I hope to complete my post graduate studies here not only Master but also Ph.D”

**Rabeaa Mohammed, Iraq**  
Master of Computer Science (Internetworking Technology)



**“**I am so happy to study in UTeM. It is the best technical university in Malaysia. Everyone here is very nice and helpful. It's a suitable place to study and there is always the desire to learn new things and acquire new knowledge. I really having wonderful time at UTeM”

**Hussein Al Baihani, Yemen**  
Bachelor of Mechatronics



## Testimonial Majikan

**“**Saya berpendapat bahawa UTeM telah berjaya menyediakan graduan yang dapat menyesuaikan diri mereka untuk bekerja di dalam apa jua industri yang mereka ceburi. Kami berpendapat, UTeM telah berjaya memenuhi kehendak industri dengan kebolehan graduan mereka yang telah berjaya menerajui bahagian yang penting di syarikat kami”

**Tuan Haji Burhanuddin**  
Pegarah Urusan  
Les' Copaque Production Sdn Bhd

**“**UteM dan CTRM adalah suatu sinergi yang ideal. UTeM melahirkan pewaris ilmu profesional dan CTRM memanfaatkan dengan menerima tenaga kerja yang menepati keperluan industri di CTRM. Setinggi penghargaan daripada saya kepada UTeM dengan usaha sama yang begitu proaktif secara langsung menyumbang seiring dengan perkembangan dan kejayaan CTRM”

**Datuk Rosdi Mahmud**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
CTRM Sdn Bhd



Sedekad Kegemilangan Bersama UTeM



Majlis  
KONVOKESYEN  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
KE-6



www.utem.edu.my